



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (78)

Tarikh : 16 November 2021

SIARAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI LANCARKAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-4 SEMENA SAMBUTAN 100 TAHUN PROFESION PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 17 November 2021 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan **Majlis Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia (100PBM)** di Hotel Zenith, Putrajaya pagi ini.

Majlis dihadiri oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha dan YBhg. Datuk TPr Hj. Mohd Faidzal bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia.

KPKT melalui PLANMalaysia meraikan sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia yang diraikan bersekalikan dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2021. Bertemakan '**100 Tahun Perancang Bandar Menerajui Malaysia Berdaya Tahan, Makmur dan Sejahtera**', majlis sambutan ini bertujuan memartabatkan profesion perancang bandar atau *town planner* yang berperanan dalam menentukan hala tuju perancangan spatial negara melalui perancangan guna tanah yang mampan ke arah mewujudkan kesejahteraan masyarakat.

Profesion Perancang Bandar bermula secara rasmi di Tanah Melayu apabila Charles Compton Reade, Perancang Bandar dari Australia Selatan dilantik sebagai "Penasihat Perancang Bandar" pada 18 Januari 1921. Kepentingan perancangan bandar amat signifikan dalam pembangunan sesebuah negara dan sambutan khusus bagi meraikan perancangan bandar di seluruh dunia telah diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu. Justeru, HPBS disambut di 30 buah negara di seluruh dunia pada 8 November setiap tahun.

Bersempena Sambutan 100 tahun Profesion Perancang Bandar ini, YAB Perdana Menteri telah menganugerahkan **Tokoh Perancang Bandar Malaysia** kepada YBhg. Dato' Seri Paduka TPr Maimunah binti Md. Shariff atas pengiktirafan '**Malaysia Book of Records**' sebagai Wanita Asia Pertama yang dilantik menjadi Pengarah Eksekutif United Nations *Human Settlement Programme* (UN-Habitat) pada tahun 2018.

YAB Perdana Menteri juga melancarkan **Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)** sebagai rangka kerja spatial di peringkat nasional, negeri dan tempatan bagi memandu arah pembangunan wilayah, bandar dan desa yang seimbang dan holistik selaras dengan keperluan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. RFN4 telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bil.39 dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Oktober 2021.

RFN4 dirangka sebagai satu pelan pembangunan yang menyeluruh berasaskan konsep strategik perancangan '**Ekosistem Spatial Yang Komprehensif**' dengan empat aspek utama iaitu penggunaan tanah optimum, fokus pembangunan ekonomi di kawasan pertumbuhan utama, pengangkutan antara wilayah dan pemeliharaan dan pemuliharaan aset ekologi dan mineral.

Penyediaan RFN4 adalah seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi tempoh pelaksanaan 2021- 2025 bagi memastikan Malaysia mampu menjadi sebuah negara makmur dan berdaya tahan dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial demi menjamin kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi yang inklusif, seimbang dan mampan. Ini adalah selari dengan perancangan masa hadapan yang mampan dan sejahtera merupakan agenda dan fokus KPKT melalui "*Liveable Malaysia*" atau Malaysia yang Berdaya Huni dan terus direalisasikan bagi memastikan '**the future is made better**'.

Untuk itu, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RFN Ke-4 serta aspek daya huni yang memberi nilai tambah dalam merencanakan ekonomi negara diperkukuhkan, YAB Perdana Menteri mengumumkan bahawa satu **Indeks Daya Huni Malaysia** atau **Malaysia Liveability Index** akan diperkenalkan oleh KPKT melalui peranan PLANMalaysia.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanise Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my